

## **Warga diajak libat dalam projek perancangan senario Sama-sama fikirkan isu dan huraian berkait pemerintahan dalam tempoh 10 tahun mendatang**

***Adli Yashir Kuchit***

***Berita Harian***, 23 October 2012

Institut Pengajian Dasar (IPS) telah melancarkan sebuah projek perancangan senario yang melibatkan rakyat Singapura untuk sama-sama memikirkan isu dan huraian berkait pemerintahan bagi negara ini dalam tempoh 10 tahun mendatang.

Usaha itu akan digerakkan dengan pementasan teater tiga senario yang mungkin dihadapi negara ini dalam aspek pemerintahan.

Projek yang dikenali dengan nama Projek Prism IPS itu mempunyai matlamat mengumpul pandangan orang ramai mengenai cabaran dalam sistem pemerintahan dan pelakaran dasar yang bakal dihadapi negara ini.

Menurut Pengarah IPS, Encik Jenadas Devan, projek tersebut merupakan yang pertama diusahakan IPS.

"Perancangan senario asalnya digunakan pihak tentera untuk mengkaji pelbagai senario yang boleh berlaku dalam medan pertempuran dan cara menangani senario tersebut.

"Ia kini digunakan pemerintah dan syarikat-syarikat besar dalam membuat perkiraan bagi menangani cabaran masa depan.

"Kini kami ingin mengundang orang ramai agar menyertai proses perancangan senario demi memikirkan cabaran yang bakal dihadapi negara ini daripada aspek pemerintahan," kata Encik Devan dalam taklimat media di IPS.

Projek Prism IPS mengandungi tiga fasa.

Yang pertama merangkumi sesi perbincangan yang disertai 140 peserta yang mewakili pelbagai kumpulan dalam masyarakat.

Para peserta diminta mengenal pasti trend dan daya penggerak yang boleh memberi kesan kepada negara.

Di akhir perbincangan, para peserta memilih tiga senario alternatif yang mungkin boleh berlaku di negara ini.

Dalam fasa kedua senario-senario yang dipilih akan diterjemahkan dalam bentuk pementasan dan dibuka kepada orang ramai.

Pementasan itu akan diadakan di Bangunan Perpustakaan Negara dari 8 hingga 14 November ini.

Orang ramai diundang mengirinkan pandangan mengenai tiga senario yang dipentaskan itu.

Maklum balas yang dikumpulkan melalui fasa kedua akan disalurkan dengan melakar sebuah peta yang menggambarkan sikap politik di Singapura.

Hasilnya akan dibentangkan di Sidang Perspektif Singapura pada 21 Januari tahun depan.

Zamil Penyelidik Kanan IPS, Dr Gillian Koh, berkata menyusuli Pilihan Raya 2011, terdapat angin perubahan yang menandakan keinginan orang ramai melibatkan diri dalam proses pemerintahan.

"Kita juga dengar suara-suara alternatif lagi pelbagai mengenai cara negara ini dapat ke depan, justeru projek ini memberikan orang ramai peluang mempelajari satu proses pemikiran dan sekali gus membincangkan persoalan penting iaitu bagaimana kita memerintah diri kita dalam tempoh 10 tahun mendatang," kata Dr Koh.

Maklumat lanjut serta senario-senario yang dibentangkan berkaitan landskap pemerintahan Singapura menjelang 2022 boleh didapati di [www.ips.sg/prism](http://www.ips.sg/prism).